



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو لَوِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

## **TEMUBUAL SEJARAH LISAN**

### **TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN ROHANI JANGGA MENGENAI: PERKHIDMATAN BELIAU SEBAGAI PENSYARAH DI UiTM SEGAMAT JOHOR**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**NURUL NADIAH YUSMAN  
NUR NATASHA MOHD NAJIB**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:  
FAKUL TI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR,  
KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN  
KHUSUS  
DOKUMENTASI SEJARAH LISAN - IMR 604**

**SEMESTER 5 (SEPT 2017-JAN 2018)**

## ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Penghargaan	3
2.	Biodata Penulis	4 – 5
3.	Abstrak	6
4.	Pengenalan	7
5.	Biodata Tokoh	8
6.	Singkatan Akronim	9
7.	Transkrip Temubual	10 -
8.	Ralat	
9.	Senarai Soalan	
10.	Log Temubual	
11.	Rumusan	
12.	Lampiran	
13.	Rujukan	

## 1. PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala pujian hanya bagi Allah yang telah mengurniakan pelbagai nikmat dan rahmat kepada hambanya serta selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmatNya dapat juga kami menjalankan dan menyiapkan rakaman perbualan dan menghasilkan sebuah transkrip.

Di sini ingin kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kepada Tuan Jefri Bin Jawahir (Ketua Pusat Pengajian Bahasa) di atas kesudian beliau meluangkan masa untuk diwawancara oleh kami. Terima kasih juga kepada pensyarah kami, Encik Zul Azmi Bin Ishak (Pensyarah Sejarah Lisan IM ) kerana banyak membantu kami dalam penyediaan soalan dan memberi panduan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan dan menghasilkan transkrip ini.

Di samping itu kami juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada ibu bapa kami dan keluarga yang banyak membantu memberi dorongan dan sokongan dalam penyediaan transkrip ini.

Akhir kata, tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah banyak memberi pertolongan dari segi masa, tenaga, peralatan dan sebagainya. Segala pertolongan, sumbangan dan kerjasama kami dahulukan dengan berbanyak-banyak terima kasih.

## 2. BIODATA PENULIS



Nama: Nur Natasha binti Mohd Najib

Tarih Lahir: 13 Mac 1993

Agama: Islam

Warganegara: Malaysia

Asal: Klang, Selangor

Program: IM 246 6B Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)  
(Pengurusan Rekod)



Nama: Nurul Nadiah binti Yusman

Tarikh Lahir: 13 Mac 1993

Agama: Islam

Warganegara: Malaysia

Asal: Kota Tinggi, Johor

Program: IM 246 6B Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)  
(Pengurusan Rekod)

### 3. ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Puan Rohani Binti Jangga (Pensyarah kanan Jabatan Fakulti Pengurusan Perniagaan) mengenai "Pengalaman beliau sebagai seorang Pensyarah dan Pegawai Pentadbiran di UiTM Johor". Wawancara ini telah dijalankan di Pejabat Puan Rohani Binti Jangga di A028 pada 31 December 2015 yang bermula pada jam 9.15 Pagi dan berakhir pada jam 11.15 Pagi. Puan Rohani Binti Jangga sekarang menjawat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Fakulti Pengurusan Perniagaan di UiTM Johor, Wawancara ini telah menyingkap latarbelakang serta kisah hidup beliau dan mengupas pengalaman dan perjalanan hidup beliau sepanjang karier beliau dalam bidang pengurusan perniagaan. Beliau berpengalaman dalam bidang pentadbiran di Uitm Johor selama 22 tahun lamanya dan menjadi Pensyarah Kanan pada tahun 2008 sehingga sekarang. Selain itu wawancara ini juga mengupas sumbangan-sumbangan beliau dalam bidang pentadbiran dan sebagai Pensyarah Kanan di UiTM Johor.

**Kata Kunci:** UiTM Johor, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Pensyarah kanan, pentadbiran.

#### **4. PENGENALAN**

Sejarah lisan boleh dilakukan dengan dua cara iaitu dengan menulis dan merekodkan dengan menggunakan perakam kaset atau perakam suara menggunakan telefon bimbit. Sejarah lisan merupakan satu kaedah mengumpul dan memelihara maklumat sejarah dengan merekodkan temubual bersama tokoh-tokoh yang terlibat dengan peristiwa bersejarah. Sejarah lisan juga merupakan gambaran peristiwa bersejarah oleh mereka yang secara langsung terlibat dalam peristiwa dalam peristiwa sejarah tersebut.

Pada masa kini alat perakam kaset atau perakam suara menggunakan telefon bimbit selalu digunakan dan lebih praktikal digunakan untuk menjalankan sejarah lisan. Ini kerana ia mudah digunakan oleh semua orang dan kaset mempunyai daya ketahanan yang lama dan boleh disimpan untuk jangka masa yang lama. Sejarah lisan adalah sangat penting di mana ia membantu memelihara memori peristiwa sejarah yang samar untuk dijadikan bahan bukti sejarah. Sejarah lisan juga membantu dalam penyediaan maklumat sejarah pada rekod bertulis dan memainkan peranan sebagai bahan rujukan utama untuk para penyelidik.

Kami telah menjalankan sejarah lisan bersama Puan Rohani Binti Jangga yang berkhidmat di UiTM Segamat, Johor. Beliau telah berkhidmat selama 22 tahun sebagai pegawai pentadbiran di UiTM Segamat, Johor dan sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Fakulti Pengurusan Perniagaan selama 6 tahun. Di sepanjang kerjaya beliau dalam bidang pendidikan, beliau telah banyak melakukan sumbangan bakti dan telah berjaya melahirkan pelajar yang berjaya dan memabntu pelajar dalam pembelajaran mereka. Namun yang demikian banyak perkara yang telah dilalui oleh Puan Rohani Jangga dalam mendapatkan kejayaan yang beliau telah kecapai sekarang, beliau juga pernah di anugerahkan sebagai Anugerah Khidmat Cemerlang . Kini beliau masih aktif sebagai pensyarah kanan dan masih menyumbang bakti beliau untuk membantu kejayaan anak bangsa.

## 5. BIODATA TOKOH



Nama: Puan Rohani Binti Jangga

Nama panggilan: Kak Ani/Ani, Ateh, Mak Itam

Tarikh Lahir: 28 November 1963

Umur: 52 Tahun

Tempat Lahir: Singapura

Bilangan Adik-Beradik: 5

Hobi: Membaca Novel, menonton televisyen

Nama Ibu: Che Nah Binti Che mat

Nama Bapa: Jangga Bin Siman

Alamat: Taman Yayasan, Segamat Johor.

Prinsip: sentiasa membantu orang selagi boleh.

Kunci kejayaan: Bekerja Keras.



## 6. SINGKATAN AKRONIM

- a) UiTM - Universiti Teknologi Mara
- b) PRJ – Puan Rohani jangga
- c) Nad – Nurul Nadiah Binti Yusman
- d) Tas- Nur Natasha Binti Mohd Najib
- e) DBS – Diploma Business
- f) Tv – Televisyen
- g) ITM – Institut Teknologi Mara
- h) HEA – Hal Ehwal Akademik.
- i) HEP – Hal Ehwal Pelajar
- j) MARA – Majllis Amanah Rakyat
- k) KL – Kuala Lumpur
- l) LRT – Light Rail Train
- m) TNB – Tenaga Nasional Berhad
- n) IPT - Institut Pengajian Tinggi
- o) CGPA – Cumulative Grade Point Average
- p) MMU – Multimedia Universiti
- q) KL - Kuala Lumpur
- r) PhD - Doktor Falsafah
- s) BK – Blok Kayangan
- t) MDAB – Mengubah Destini Anak Bangsa
- u) SPM - Sijil Pelajaran Malaysia
- v) PMR – Penilaian Menengah Rendah
- w) AJK – Ahli Jawatan Kuasa
- x) PM – Prof Madya

## 7. TRANSKRIP TEMUBUAL

Boleh Puan perkenalkan diri Puan?

- Nama saya Rohani Binti Jangga. Saya Pensyarah Kanan di Jabatan Fakulti Pengurusan Perniagaan di UiTM Johor. Dah berkhidmat selama 6 tahun sebagai Pensyarah, sebelum itu saya bekerja di bahagian pentadbiran. Sudah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak. Seorang lelaki 2 perempuan. Yang sulung lelaki dah final semester Bachelor in Marketing di Uitm Sarawak, yang second part 4 DBS di UiTM Lendu, dengan yang nombor 3 baru habis SPM dan sedang menunggu keputusan SPM

Adakah Puan mempunyai nama panggilan di dalam kalangan ahli keluarga atau rakan-rakan?

- Kalau dalam kawan-kawan tu kak Ani atau Ani lah. And then kalau sebelah keluarga saya pangkat saya Ateh, kalau sebelah suami saya pangkat saya Itam atau Mak Itam. Kalau balik Melaka saya Putih kalau balik Muar saya Hitam.

Berapakah umur Puan?

- 52 tahun

Di manakah tempat asal Puan (Segamat)?

- Saya dilahirkan di Singapura dan bersekolah di situ hingga tingkatan 2. Tingkatan 3 saya balik ke Melaka dan meneruskan persekolahan saya sampai tingkatan 5. Saya asal Singapura dan balik ke Melaka sebab itu kampung mak bapak saya.

Bilakah tarikh Puan dilahirkan?

- 28 November 1963

Di manakah tempat tinggal Puan sekarang (Segamat)?

- Taman Yayasan. Tak jauh 20 minit je.

Apakah hobi Puan?

- Menonton Tv, membaca novel.

Apakah makanan kegemaran Puan?

- Makanan saya suka,,,banyak sebenarnya. Saya takdelah favourite food tapi sebab da(sudah) makin berumur, walaupun bukan favourite tapi saya lebih mencari makanan yang sihat berbanding dahulu macam mihun sop selalu saya order yang itu.

Apakah cita-cita sebenar Puan waktu kecil-kecil dahulu?

- Owh.. kecil-kecil jadi Pramugari, jadi Cikgu, jadi Doktor,,,banyak la.

Apakah kenangan semasa kecil yang tidak dapat Puan lupakan?

- Kenangan waktu kecil,,kene pukul dengan bapak saya la kot. Cerita nya panjang jugak la kot, macam mane eak,,bapak saya tu garang dan die seorang anggota polis, pastu(selepas itu) ade sekali tu saya dengan kakak saya tinggal kat rumah. ,mak saya masa tu saya tak ingat kat mane pastu kakak saya masak air panas dalam kettle. Pastu saya nak tolong kakak saya, saya pegang muncung tarmos, saya pegang kakak saya tuang dan die tergelincir so air panas tu kena kat tangan saya. Pastu awak bole Nampak kulit tu hilang tau. So saya dah menjerit menangis, jiran dah datang semua so saya kate ni mesti kene pukul dengan bapak saya. Saya menyorok bawah meja dan bile bapak balik keje memang betul saya kene pukul dan dah kene pukul tu baru die bawak saya naik basikal pergi ke klinik untuk mendapatkan treatment. Haa tu sampai sekarang saya tak boleh lupe la bende tu. Pada saya, saya nak tolong kakak saya tapi macam saya

kata bapak saya memang garang dan die jenis pukul dulu baru tanya what happened and yang lain nya.

Siapakah nama suami Puan?

- Nama die Abdul Rani Bin Abdul Majid

Apakah pekerjaan suami Puan?

- Die Penyelia Teknik di Telekom Malaysia

Siapakah nama ayah Puan?

- Jangga Bin Siman

Berapakah umur ayah Puan?

- Umur dia sekarang 82 tahun

Siapakah Nama Ibu Puan?

- Che Mat Binti Che mat dan dia telah meninggal dunia lama dah.

Berapakah jumlah adik beradik Puan?

- Adik – beradik saya 6 orang 3 lelaki 3 perempuan dan saya anak kelima.

Apakah tahap pendidikan Puan sekarang?

- Sekarang ni saya ade master pastu saya buat PHD secara 'part time'.

Dalam bidang yang diambil oleh Puan?

- Dalam bidang perniagaan jugak saya buat Plicin.

Apakah nama sekolah rendah Puan?

- Pulbank Primary School di Singapura.

Ingat lagikah tahun berapakah Puan bersekolah rendah?

- Saya bersekolah di situ tahun 70-75, maknanya dari darjah 1 hingga darjah 6 la di situ.

Apakah nama sekolah menengah Puan?

- Sekolah menengah ade 2. Satu mase tingkatan satu hingga tingkatan 2 di Orchem Road Secondary School kemudian tingkatan tiga hingga lima Sekolah Menengah Masjid Tanah di Masjid Tanah Melaka.

Apakah bidang sukan yang Puan minati sewaktu sekolah dahulu?

- Olahraga

Apakah pencapaian Puan dalam bidang sukan sekolah sewaktu dahulu?

- Ala,..wakil sekolah je.

Apakah yang Puan lakukan selepas tamat sekolah menengah sebelum mendapat keputusan menyambung pelajaran?

- Saya ada buat kerja sambilan la masa tu. Ibu bapa saya masih lagi di Singapura jadi saya bekerja sebagai pembantu kedai di sana sampailah saya mendapat keputusan SPM dan lepas tu saya sambung belajar di ITM Shah Alam.

Dalam bidang apakah jurusan pengkhususan yang Puan ambil?

- Saya buat Diploma Pentadbiran Awam.

Dimanakah Puan menyambung pelajaran selepas Diploma?

- Selepas habis Diploma saya kerja. Selepas itu, tahun 1986 saya mula kerja di UiTM Segamat dan selepas saya dapat anak 3 orang baru saya sambung part time degree dan selepas itu saya sambung master.

Berapa lamakah masa yang diambil untuk Puan menamatkan pengajaran?

- Lama sebab saya mula kerja tahun 86 selepas itu saya sambung degree saya tahun 98. Antara degree ke master adalah saya rehat dalam 4 hingga 5 bulan. Lama la masa saya habiskan diploma ke master saya sebab saya mula diploma tahun 80 dan saya habis master tahun 2008.

Apakah pencapaian/anugerah Puan semasa bergelar pelajar?

- Saya dapat DeanList sekali la semasa final semester untuk degree. Tu jela pencapaian saya yang terbaik sebab saya bukan pelajar yang pandai. Saya belajar pun sebab saya rasa terpaksa belajar sebab saya ada komited untuk belajar tu so saya teruskan jugak jadi saya dapat Dean list mase final semester saya.

Apakah kenangan yang tidak dapat Puan lupakan sewaktu bergelar pelajar dahulu?

- Diploma seronokla belajar dengan kawan-kawan kan. Lepastu part 5 bercinta dengan classmate part 6 clash dengan die. So itu cerita mase diploma la. Degree sebab da ade family tapi yang seronok tu sebab degree in marketing buat part time di Johor jadi for the first time saya ajak kawan-kawan saya yang sekarang ni sebagai penolong bendahari di pejabat bendahari, lepas tu ade pegawai eksekutif di HEA maknanya kawan-kawan satu UiTM kami semuanya daftar untuk jadi pelajar amik Marketing masa tu dan itu yang paling menyeronokkan kan dan dimana dulu die kawan die tapi sekarang die lecturer kita sebab lecturer di sinila yang mengajar kita orang jugak so kite kenal la siapa mereka dan yang baik nya kite tidak segan untuk menanyakan soalan dan yang tak berapa baiknya sebab jawapan kita tak berapa baik untuk jawapan dalam exam semua dia tahu.

Pernahkah Puan terfikir untuk menjadi seorang pensyarah?

- Tak jugak sebab mase lepas SPM tu result saya tak berapa bagus saya dapat Pentadbiran Awam just terima je la sebab takde choice yang lain kemudian bila da habis belajar dan kerja sebagai nya saya masa mula-mula kerja saya serumah dengan lecturer jadi tengoklah diaorang bawak balik assignment student semua dan nak tanda dan bile da habis exam diaorang da rehat sikit. Macam kerja saya ni from 8 to 5 habis kerja saya tak perlu bawa balik apa-apa ke rumah. Tapi macam bila tengok lecturer die ade master tapi mase tu degree lagi la kelayakan untuk jadi lecturer dan bila lepas 2 3 tahun die habis belajar dapat master saya tengok senangla mase tu. Jadi saya kata macam saya nak sambung belajar la tapi saya tiada peluang nak sambung belajar kemudian ada kawan-kawan saya lelaki 2 orang dia orang sambung part time di UiTM Melaka jenis yang die kene attend kelas 2 kali seminggu masuk pukul 7 balik pukul 10. Dia orang akan pergi mungkin 2 hari macam tu hari Selasa dan Khamis so dia orang ajak saya pergi sekali pastu saya cakap dengan suami saya sebab saya dah kahwin tapi suami saya kata tak elok la sebab dah malam nanti dia hantar balik pukul 11 kan nanti timbul fitnah ape semua. Dan dia kate kalau ade ditawarkan degree tu di UiTM Segamat boleh. So alhamdulillah ade rezeki saya ditawarkan di UiTM Segamat so saya sambung degree so kawan-kawan pensyarah saya galakkan saya sambung master sebab kalau saya sambung degree je untuk kenaikan pangkat jawatan saya di pentadbiran saya tak boleh stay di Segamat lama sebab nanti die akan reshuffle the system and mungkin saya akan dipindahkan di Melaka atau di Kelantan jadi saya taknak amik risiko tu sebab suami saya kate die pon taknak pindah mane-mane die nak duduk di Segamat je. So kawan-kawan galakkan habis amik degree saya sambung master dan terus jadi Pensyarah. Takdela saya kata mase mula-mula kerja tu terus nak jadi Pensyarah sebab mase tu rasa da cukupla belajar Diploma tapi sebab kite dikelilingi oleh orang yang sentiasa sambung belajar cume kite ni nak ke tak nak je la.

Apakah khidmat jawatan Puan lain semasa di UiTM Johor?

- Banyakla di HEA saya pernah, HEP saya pernah di pentadbiran pun pernah.

Pada Tahun berapakah Puan bergelar pensyarah?

- Tahun 2008 (6 tahun)

Adakah keluarga dan suami Puan menyokong kerjaya Puan?

- Keluarga saya sokong saja suami saya pon sokong cume die kate tak sokong tu saya memberi anak-anak saya untuk di jaga oleh die masa degree tu di sini so takdela masalah sangat cume bile sambung master tu every weekend setiap hari ahad saya kene travel pergi Ayer Keroh amik di MMU jadi anak-anak dengan dialah die yang kene masak, jaga anak kalau demam tu. Suami saya kate saya ni keras hati sebab anak saya demam pon saya tetap pergi kelas tu. Masalahnya sebab sistem belajar di MMU tu dari pukul 9 pagi hingga 5 petang akan belajar satu subjek sahaja dan belajar 6 minggu contoh jika saya ambil management economic so dari 9 pagi hingga 5 petang selama 6 minggu saya akan ambil subjek tu sahaja jadi awak bayangkan kalau saya ponteng satu kelas berapa banyak saya akan tertinggal pastu minggu ketujuh cuti minggu kelapan periksa. Dan minggu kesembilan belajar another subjek macam tu la sistem di MMU. Katakanlah pagi die mengajar petang discussion. Jadi di waktu itu sahajalah. Saya jarang ponteng sebab at the same time saya pinjam loan mara. Adalah jugak saya ponteng sebab mase tu bulan puasa saya malas la nak berulang alik jadi saya skip satu subjek jadi saya extend satu subjek jadi makin panjang la tempoh saya belajar tu jadi MARA tak sambungla pinjaman saya tu sebab die kate dua tahun pinjaman saya 2 tahun lah saya habis belajar. Jadi yang lebih tu saya kene bayar sendiri. Jadi macam mana pun saya terpaksa habiskan jugak. Pernah sekali saya ponteng pon sebab anak saya kene chicken pox. Ada sekali tu die sampai bawak anak saya pergi kerja. So sebab tu die kate sokong ke tak sokong ke die yang kene ambil tanggungjawab tu?



Apakah perbezaan kelayakan seseorang itu untuk menjadi pensyarah dahulu dan sekarang?

- Dulu setakat degree je bole sekarang minimum master la dan digalakan sambung ke PHD. Cume universiti lain kalau bole dia orang nak PHD jugak.

Adakah UiTM hanya menerima lecturer yang mempunyai master sahaja?

- Tidak jugak ade lecturer yang mempunyai degree tapi bilangan nya tak banyak dan sangat sedikit dan mereka akan digalakan untuk menyambung pelajaran ke master sebab rugi bagi mereka la gaji kecil.

Apakah perasaan Puan ketika pertama kali bergelar pensyarah?

- Saya takutla sebab tak pernah mengajar. Bila tanye pada lecturer lain kate ajar je kak ani mereka kate. Tapi saya tanye apa saya nak ajar. Saya rasa memang susahla masa tu dan ade lecturer bagitahu dan saya buat carat u dan saya tak buat lagi dah sekarang contohnya macam student masuk kelas die suruh present every chapter dan saya kate saya taknak macam sebab student tak faham sebab kadang-kadang masa time mass lecturer pon mereka tidak focus dan bila suruh pulak mereka present chapter 1 dan 2 jadi saya rasa itu bukan cara saya so saya akan ulang balik apa saya ajar sewaktu kelas untuk bagi mereka lebih faham.

Mengapakah Puan memilih kerjaya sebagai pensyarah di UiTM Johor?

- Saya tak pilih dan macam didorong oleh kawan-kawan yang sentiasa menyuruh saya untuk belajar selepas amik degree untuk sambung ke master untuk jadi lecturer dan saya jugak tidak dinafikan memikirkan mengenai pulangan gaji yang lebih baik apabila menjadi seorang pensyarah. Itu lah dorongan saya untuk menjadi pensyarah.

Adakah ahli keluarga yang Puan galakkan mengikut jejak langkah Puan yang bercita-cita mahu menjadi Pensyarah/ pendidik?

- Adik saya pon ade master tapi setakat ni die keje di tabung haji tapi takdelah nampak die untuk menjadi seorang pensyarah sebab saya anak kelima adik saya tu anak ke enam jadi yang atas-atas tu ramai da bersara la jadi takdelah potensi diaorang macam nak jadi pensyarah tu. Anak saya yang sulung die kate nak sambung master tapi tengokla macam mane sebab saya takdela bagi cadangan cume die kate die tak suke keje pejabat dan die kate die tak suke nak kerja di Bandar besar sebab sekarang die praktikal di KL dan die tak suke dengan sibuk kene berebut pagi naik LRT jadi die kate die akan sambung ke master dan bekerja di Bandar kecil.

Adakah Puan mewajibkan sesiapa di antara anak Puan untuk menjadi pensyarah?

- Takdelah cume saya cakap dengan anak-anak saya at least ada degree lepas tu cari kerja jangan setakat diploma je sebab at least siap ada yang lebih tinggi sebab akan ada banyak choice.

Bagaimanakah Puan membahagikan masa Tuan sewaktu lapang antara keluarga dan pensyarah?

- Sangat susah sebab selalunya yang di korbakan adalah rumah saya sebab dari segi nak kemas rumah tu memang saya tak suka saya kalau di office saya memang akan focus pada kerja saya apa-apa saya nak buat. Dan kalau di rumah saya akan luangkan masa dengan family saya biasa nye depan tv la. Tapi mula tahun depan saya kene ubah sebab saya dah semester 3 dalam PHD sepatutnye kalau full time student da buat proposal so sekarang saya tak siap buat lagi sebab bile balik rumah saya malas nak buat apa-apa nak rehat je tapi bile buat macam tu tak bergeraklah PHD saya sebab bila di office ade student datang sebab kite bukan ade masa yang banyak 2 3 jam yang boleh kunci pintu dan buat kerja tapi saya rasa tu tanggungjawab kalau ada student datang saya

kene layan jadi saya kene potong masa luang saya di rumah lepas makan pukul 8 hingga 10 saya kene buat PHD saya.

Apakah prinsip hidup Puan?

- Jangan lokek dengan masa dengan duit pastu kalau boleh tolong orang tolonglah seberapa yang kite boleh tolong. Itulah yang saya buat dari dulu sampai sekarang, kadang-kadang saya rasa, saya ingat saya lebih tolong student saya dari keluarga saya. Saya lebih banyak luang masa dengan student lebih dari keluarga saya. Duit pon sama saya rasa saya lebih pemurah dengan student saya berbanding dengan anak-anak saya sebab saya dulu pre coordinator Diploma jadi dia orang ni kalau dari segi kewangan memang teruk la. Jadi adalah yang saya tolong-tolong dia orang. Sebab ada yang bila habis pre diploma dan nak sambung Diploma dia orang takde duit nak daftar. Saya kalah dari segi tula. Nanti dia orang kata "puan saya nak daftar tapi saya tiada duit" sebab saya membayangkan anak saya dalam keadaan itu dan saya dalam keadaan miskin dan tiada duit jadi selagi saya mampu bantu saya akan bantu. Jadi macam tu la prinsip saya dari dulu saya suke nak tolong orang sekadar yang saya mampu la.

Apakah kunci utama kejayaan Puan?

- Saya bukan student yang pandai jadi saya mampu bekerja keras je. Bila saya sambung degree ambil manager accounting kene ambil statistic dan ambil subjek yang mengira saya yang saya tak suke jadi CGPA saya pon bukan bagus sebab subjek tu. Kalau reading subjek saya minat macam marketing subjek tu saya minat tapi bile kene mengira tu saya tak minat sebab tu CGPA saya dari diploma, degree memang cukup-cukup makan je. Jadi saya bukan student yang pandai jadi saya kene bekerja keras. Mase saya master pon saya hampir-hampir tak dapat master saya sebab nak dapat master CGPA die kene 3.00 tapi CGPA saya 2.99 tapi macam mane saya tak bace email saya, saya pergi ke sana dan dilakukan pengiraan semula Alhamdulillah saya dapat 3.03 dan dapatlah master saya kalau tidak saya tak tahulah macam mane sebab saya rase penat sangat

buat master saya. Saya tak enjoy buat master saya macam saya buat diploma dan degree saya sebab saya takde kawan kan sebab saya pergi ke sana kan MMU ramai bangsa asing ade China ade India kita nampak untuk persaingan tu memang bagus tapi kite ni orang perempuan kan kadang-kadang kan nak berkawan jadi saya tak happy la, tak enjoy jadi student kat MMU tu. Lagi satu saya pilih MMU adalah sebab saya boleh commute every Sunday di situ sebab kalau ambil di UiTM Shah Alam saya kene tido sebab kelas pukul 9 lepas tu saya ni memang jenis penakut bawak kereta jadi saya membayangkan saya kene naik bas cari tempat tido bermalam dan kene naik bas semula untuk esoknya tu. Saya fikir dari segi duit bas nak tido mane semua jadi saya pilih MMU la sebagai pilihan terbaik la untuk saya.

Apakah tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pensyarah?

- Tugas dan tanggungjawab tu adalah menyampaikan ilmu dan memastikan penyampaian kite dalam kelas seberapa menarik yang boleh la. Dan saya ajar marketing jadi saya rasa saya boleh buat subjek itu diajar dengan cara yang lebih menarik berbanding mendengar pengajaran saya je jadi saya ade buat games dalam kelas kemudian saya suke kaitkan dengan isu-isu semasa dalam marketing untuk pastikan student fikir selain hafal je ape yang saya bagi dalam slide dan sekurangnya mereka sedar tentang apa yang saya ajar ni dengan apa yang mereka alami sebab saya ajar tentang marketing melibatkan para pelajar ni sebagai consumer pengguna produk-produk.

Adakah halangan sepanjang Puan ingin menjadi pensyarah?

- Takde, okay je. Cume kadang-kadang saya dapat subjek yang saya tak suke jadi itu halangan jugak la sebab saya tak tahu macam mane nak ajar mereka terutama MGT 162 sebab subjek tu memang banyak teori dan saya tak suke. Saya lebih suke ajar subjek yang saya boleh kaitkan dengan keadaan semasa.

Apakah tugas semasa sebelum Puan sebelum bergelar pensyarah di UiTM Johor?

- Saya mula bertugas 1.1.1986. jadi masa itu saya jadi pegawai eksekutif dan ditempatkan di bahagian pentadbiran. Masa tu di Bukit Siput dan selepas tu berpindah ke Segamat Baru dan saya masih di bahagian pentadbiran. Apabila berpindah dikampus tetap ini barulah saya ditugaskan di bahagian Hal Ehwal Akademik. Selepas itu Hal Ehwal Pelajar, pindah balik Hal Ehwal Akademik dan selepas itu barulah saya menjadi Pensyarah.

Apakah perbezaan pengalaman pekerjaan dahulu dan selepas menjadi Pensyarah?

- Pengalaman tu macam sekarang contohnya kalau saya nak pergi bendahari saya tahu apa yang saya nak saya tahu saya nak jumpe dengan siapa dan saya tahu apa kerja di pentadbiran. Bagaimana kerja di Hal Ehwal Pelajar, macam mane kerja di bahagian Akademik semuanya saya tahu. Jadi kalau orang di pentadbiran atau di akademik macam saya nak dapatkan sesuatu kalau tak bagi saya ambil sendiri saya malas nak tunggu-tunggu sebab kadang-kadang die kate leceh die ade hal saya masuk je saya tahu mana nak pergi ape boring nak ambil, kalau nak Tanya soalan nak minta tolong saya tahu siapa orangnya untuk saya jumpa dan dapatkan bantuan sebagainya jadi dia orang tak bole nak klentong saya senang cakap nya sebab saya da tahu dah semua-semuanya. Ye, dan saya tahu perngai semua orang yang malas ke yang tak malas ke kalau nak minta tolong tu macam mane nak cakap ke macam mane semua saya da tahu dah. Bagaimanakah Puan mendapat tawaran sebagai pensyarah di UiTM Johor? Macam yang saya cakap kawan-kawan saya dan timbalan rektor pon galakkan saya. Semua Tanya bile nak jadi pensyarah dan saya siap buat mock teaching sampai 2 kali saya da naik malu jugak la sebab saya dah dipanggil untuk mock teaching tapi saya belum dapat lagi saya punya transkrip untuk master tapi dia orang kata da tahu kata saya dah habis sebab da ade resultnya tu tapi yang transkrip tu yang perlu ada untuk saya forwardkan ke bahagian pentadbiran untuk dia orang proses ke Shah Alam dan buat tawaran untuk saya sebagai seorang pensyarah. Jadi kene tunggu proses dan ambil masa lama jugak

Boleh Puan ceritakn sedikit sejarah UiTM Johor?

- Tarikh tepat saya tak ingatla tapi masa saya masuk kerja tu masih lagi di Bukit Siput dan bangunan kedainya memang tak cantikla bangunannya buruk tapi seronokla masa kat sane lecturer tak ramai staff tak ramai jadi kite kenal semua orang. Dalam satu kawasan tu die macam satu row kedai je tapi pejabat tu dipisahkan macam bawah tu perpustakaan dengan kelas belah atas tu macam pejabat-pejabat lecturer, pejabat bendahari, pentadbiran semua diasingkan ikut rumah kedai sebiji-bijik. Jadi seronokla sebab kite kenal semua orang mase tu kan sebab kawasan kecil dan setahun selepas tu berpindah ke Segamat Baru selepas 2 tahun di Bukit Siput dan semasa di Segamat Baru tu sebab rumah kedai yang baru. Di Bukit Siput tu keadaan rumah kedainya tak berapa bagus dan kecil. Di Segamat Baru suasana yang sama jugak rumah kedai. Row yang pertama library, pejabat pejabat dan belakang asrama pelajar. Asrama nya rumah kedai da nada yang atas atau bawah. Dan ade lagi satu asrama tu di TNB Segamat tu di Batu Hampar disitu ade satu asrama kayu saya tak ingat tu bangunan ape tapi saya ingat ade pelajar lelaki yang duduk di situ.jadi hari-hari pergi kelas aka nada bas yang jemput dia orang untuk pergi ke kelas yang masa tu di Segamat Baru. Saya tak ingat berapa lama di Segamat Baru dan selepas itu, berpindah secara besar-besaran ke kampus baru disini.

Boleh Puan ceritakan suasana pertama di UiTM Johor setelah mendapat kawasan baru (kampus tetap di Jalan Muar)?

- Banyaklah yang tiada yang ada 3blok ni ada. Bk tiada, asrama yang blok sector C semua tiada, yang ada Nilam, Baiduri, dan satu lagi Mutiara dan 2 asrama lelaki dan bilik kuliah di kawasan sini sahaja lah tapi mase tu Dewan Sri Temenggung memang ada sekali lah.

Apakah perasaan Puan melalui setelah mendapat kampus tetap (kampus tetap di Jalan Muar)?

- Environment di sini lebih baguslah sebab lebih la Nampak macam sebuah universiti berbanding yang disana tu memang Nampak rumah kedai memang susah. Macam saya di bahagian pentadbiran jadi takdelah dengan student sangat. Memang deal dengan lecturer dan kakitangan je sebab berurusan satu row rumah kedai tu sahaja. Tapi bile sampai sini banyak la yang kene jaga sebab mase tu saya di HEA dan common room memang sebahagian pejabat HEA. HEA mase tu di tingkat tiga belum lagi di tingkat bawah. Jadi pindah atas bawah pejabat HEA tu banyakla perubahan nya.

Apakah jawatan pertama Puan di UiTM Johor?

- Pegawai eksekutif, pegawai kanan, barulah saya naik jawatan tertinggi baru saya jadi pensyarah.

Apakah visi dan misi UiTM Johor?

- Alamak, tu yang saya tak ingat tu “memberi peluang kepada pelajar Bumiputera untuk meyambungkan pelajaran mereka supaya dapat bersaing dengan peringkat antarabangsa. Yang penting nya untuk pelajar bumiputera.

Apakah jawatan Puan selain sebagai seorang pensyarah sekarang di UiTM Johor?

- Saya jadi coordinator pelajar Pre Diploma MDAB.

Boleh Puan ceritakan tugas Puan selain jawatan Pensyarah di UiTM Johor?

- Saya kene jadi co ordinator pelajar pra diploma la dan masa program itu diperkenalkan masa tu saya baru setahun jadi lecturer. Jadi masa tu timbalan Rektor HEA Prof Madya Yusri dan saya dalam meeting akademik ramai dan masa itu beliau nak ke hadapan die tegur saya dan kata “ Ani, I nak lantik u jadi Pre Coordinator”. Saya kate taknalah sebab ramai je lagi lecturer yang lebih senior. Tapi lepas tu dia buat announcement dan die takde tanye saya nak ke

taknak die terus announce lantik saya jadi coordinator. Basically saya kene jaga budak pre diploma ni sebab mereka ni dari segi keputusan nya tak baik dan die dari keluarga yang miskin. Maknanya saya kene pergi roadshow pergi ke kampung orang asli, sekolah luar Bandar untuk promote program ni kepada mereka yang tercicir dan miskin dan jika mereka lebih layak untuk sambung diploma terus saya lagi suke la. Tapi ni lebih focus pada mereka yang tak layak lebih lagi matematik dan bahasa Inggeris mereka tak berapa elok dan yang miskin untuk diambil dan diberi penerangan tentang apa kelebihan mereka ambil pre diploma mereka dapat elaun dan apabila mereka lulus pada peperiksaan akhir diploma automatic mereka akan diserap ke diploma. Kemudian saya bagi penerangan tentang belajar di UiTM macam mane. Maknanya saya akan pantau dari pre diploma hingga diploma. Tapi masalahnya saya cume bole pantau yang sambung di Segamat sahaja. Cawangan lain saya tak boleh access untuk dapatkan maklumat dia orang. Saya akan pantau mereka sampai part 6 ke tidak atau half way da kene dismiss sebagainya saya ikut. Dalam masa sama saya panggil bekas senior dia orang yang sama-sama pre diploma dan mungkin da sambung sampai degree atau diploma di tempat lain untuk bagi penerangan sebab mereka ni macam golongan yang disisihkan berbanding mereka yang terus diploma jadi untuk pulihkan semangat dia orang dan bagi semangat belajar. Walaupun awak bekas pre diploma tapi ade je senior awak yang dah berjaya. Dan walaupun saya dah tak jadi coordinator saya masih mengikuti dan student last saya sekarang da part 3 disini dan UiTM lain. Saya masih lagi simpan data mereka dan masih tahu performance mereka

Pada tahun berapakah Puan menjawat jawatan itu?

- Pada setelah tahun pertama saya menjadi pensyarah.

Apakah pandangan Puan mengenai landskap di UiTM Johor?

- Segamat dari segi landskap tak cantik. Ade je lagi UiTM yang cantik. Perlu ditambah baik macam Pasir Gudang tu cantik je landskap dan building. Bukan masalah baru tapi yang lama boleh diperbaharui dan di cat sebagainya. Pokok



yang ditanam pon tak cantikla. Saya takdelah rajin pergi kampus lain kan tapi di Pasir Gudang tu landskap nya cantik, pokok yang ditanam pon cantik dan itu yang patut ada lah. Nampakla suasana lebih tenang dan bersemangat. Kalau di main entrance ape jela pokoknya kan. Yang kene langgar dengan student lain dan sepatutnya ade banyak lagi yang boleh dibaiki.

Apakah pandangan Puan mengenai UiTM Johor ketika mengadakan majlis Konvokesyen?

- Bagus walaupun saya penat sebab saya AJK yang hias dewan tu dengan madam hazilah lecturer awak tu dan sir Jimmy pon terlibat juga tu, kami pergi KL beli semua tu saya rasa seronokla sebab banyak bagi pendedahan. Satu sebab saya salah seorang dalam perarakan masuk tengok bekas pelajar saya yang diploma dan pre diploma dia orang naik pentas untuk terima scroll dia orang. Yang kedua ianya buka mata orang sekeliling, contohnya macam cleaner yang dia tahu kita datang kelas ambil exam habis dah. Tapi dengan adanya konvo ni dia buka mata dan tahu inilah penghabisan nya student ni datang belajar kat sini. Ade kes yang pelajar naik wheelchair 2 orang dan yang sakit kanser pon datang untuk ambil skrol. Kebetulan masa konvo saya ade lalu di belakang sebab nak naik pentas jadi cleaner ni kumpul ramai-ramai di situ mase tu ade student yang naik wheel chair dan rupanya kaki die da dipotong kene kencing manis dan mula-mula die naik wheelchair bile nak naik pentas tu die guna tongkat dan nampakla kaki sebelah tiada. Cleaner tu kata aku malulah sebab die kate orang yang kaki satu pon bole naik pentas amik scroll aku yang kaki dua pon tak naik pentas. Jadi dengan adanya konvo buka mata sebab cleaner tu muda jadi harap akan buka mata die untuk sambung belajar dan bole jadi macam orang-orang yang naik pentas kan macam die kate orang kaki satu boleh naik pentas aku yang kaki dua yang sempurna maknanya sepatutnya lebih baik dari budak tu kan. Jadi bende mcam ni akan buka mata macam PM Omar Samat die pernah jadi rector kite kan, dia kate dia sayang tengok cleaner yang muda-muda ni kenapa mesti jadi cleaner kenapa tak sambung belajar perlahan-lahan sebab jadi cleaner sampai tua tiada apa yang dapat dengan gaji berapa dan apabila kawen

nanti ade anak nak belanje anak. Harap-harap dia orang akan buka mata dan nak majukan diri dia orang dan saya rasa salahsatu nya Konvo ni adalah “an eye opening” kepada semua.

Apakah pandangan Puan mengenai perbezaan pentadbiran UiTM Johor ketika dahulu puan dibahagian pentadbiran dan sekarang dah jadi lecturer?

- Dari segi kerja sebab kadang-kadang saya bukan nak puji diri tapi dari segi komitmen kerja saya rasa lebihla berbanding budak-budak muda sekarang yang bekerja di bahagian pentadbiran tu sebab mungkin dulu takde handphone takde facebook bende yang melalaikan jadi focus kerja tapi sekarang macam dia orang suke ikut contoh pekerja lama yang senior buat macam kantin ade kat dalam tapi suke nak minum di luar sampai sejam atau sejam setengah baru balik bile masuk kerja da berape banyak ponteng. Kalau tengah hari masuk lambat kadang 2.30 masuk baru nak sembahyang bende yang macam tu saya tak berapa suke la nak tengok sebab kita dibayar gaji untuk bekerja. Saya tak kate saya 100% bagus sebab saya kadang ade jugak ponteng tapi maknanya kite kene sedar diri dan cover balik macam mungkin balik pukul 5 tapi balik 5.30 atau mungkin weekend datang untuk cover balik yang kita dah ponteng dengan sengaja atau tidak. At the end of the day duit yang kita dapat mestilah halal dan sentiasa muhasabah diri dan jangan banyak ponteng. Kalau terpaksa ponteng kene ganti waktu lain. Macam saya dulu di bahagian pentadbiran saya layak claim overtime sebab saya kategori B, tapi kadang-kadang saya tak claim atau kalau saya kerja sabtu ahad saya bole claim cuti tapi saya tak claim. Harap saya boleh cover balik saya ponteng atau salah guna harta pejabat macam print resepi walaupun Nampak kecil dan sikit tapi kalau kumpul banyak la nanti effect pada anak dan tak baik kan sebab nanti kalau beri pada anak dan die buat perangai nanti jangan salahkan anak 100% sebab kita bagi die makan yang tak halal. Kene selalu beringat sebab kadang kita lalai. Kadang print color atau pakai handfone pejabat untuk personal atau basic nya ponteng sebab kita kalau ikutkan

kakitangan kerajaan dari 8 hingga 1 tak bole break makan sebab kita dah di ikutkan sepatutnya berada dalam office sebelum pukul 8. Kalau nak rehat ambil la 10 hingga 20 minit untuk makan tapi dalam office sebab kadang staff suke pergi kampong Jawa yang ada soto sedap tu awak bayangkan ke situ da setengah jam, makan setengah jam balik setengah jam hari-hari kalau buat berapa banyak da masa ponteng pastu pukul 2 baru masuk office kadang baru nak solat 2.30 baru ada kadang pukul 5 da ade kat punch card. Saya perhati dan manusia memang suke ikut bende yang buruk dan baik jadi kene selalu muhasabah diri. Macam saya jadi pensyarah kalau nak habiskan kelas awal 10 minit kene fikir kite dibayar gaji untuk mengajar jadi kene fikir dan topup balik la contoh macam student datang nak discussion sebolehnya layan sebab kadang saya habiskan kelas awal. Kene ade check and balance sebab kite bukan hidup di dunia je.

Apakah pandangan Puan mengenai pengurusan UiTM Johor?

- Okayla. Ade orang yang kita perlu rujuk untuk buat sesuatu perkara sama ada penting atau tidak mereka beri panduan dan kita ikut sebab kita rasa itu terbaik dan kita ikut untuk memajukan UiTM.

Apakah pengalaman Puan berkhidmat di bawah pentadbiran Rektor UiTM Johor?

- Adalah. Ade rector yang garang, yang tak mesra dengan staff, ada yang baik dan mesra sebab da ramai.

Adakah Puan sempat berkhidmat bersama Rektor pertama UiTM Johor?

- First saya sempat tapi tak berapa kenal. Kalau saya ingatla Encik Amin yang saya ingatla sebab tak berapa ingat, Encik Amirzainol, Doktor Munshi, Doktor Omar. 6 ke 7 Rektor da dengan Profesor Sahar. Cerita yang okay kalau boleh taknak bermusuh dengan rector walau ade yang tak puas hati tapi malas la nak berfikir macam saya kate adalah yang garang mesra dengan staff. Tapi rector ni come and goes kan jadi biarlah itu budaya kerja masing – masing jadi kita try to adapt la sebanyak yang mungkin.

Ada tak pengalaman yang puan tidak dapat lupakan sepanjang bergelar pensyarah?

- Emm..pengalaman...pengalaman yang tak elok tu saya rasa taka da la..saya rasa banyak la kenangan manis bila saya jadi pensyarah. Bila student kata "Thank You" kalo puan tak bantu saya jadi , "Thank You For the Mark" saya dapat A+ apa benda macam tu la yang saya rasa pengalaman-pengalaman yang saya tak akan lupakan la. Sebab saya aaa..puas hati bila saya dah bagi yang terbaik untuk "Student" saya dan mereka "appreciate" apa yang saya bantu la atau tolong dorang.

Pernah tak puan mengalami masalah sepanjang bergelar pensyarah?

- Masalah besar tu taka da la "but more on paper work" saya tak suka "paperwork" sebab nak menilai pelajar nak kena ada "documentation" nak kena buat "report" benda tu saya tak suka benda yang itu.

Aaa.."so" macam mana puan mengatasi yang tak suka tu?

- Sebab terpaksa la. buat.terpaksa buat-buat la. Tapi "is not something that I look forward to la" ye maknanya bile "end of semester" nak kena isi boring ni isi boring tu. Tu tak suka..aaa..sebab saya rasa benda tu "sorry to say la" benda tu dia macam "everything on paper" tapi apa yang "you" buat apa yang kita dah buat analisa tu sume macam taka da...tak memberi apa-apa kesan..tpi terpaksa isi...so isi je la...

Ooo...ok(ketawa) pastu pernah tak puan teriama "comment" negative atau positive daripada sesiapa?

- Emmm...ok.. saya tak tahu la positive ke negative tapi..eeee..."student" kata saya garang.ok...aaa...satu cite...garang ni dua tiga kali la saya dapat Pn.Rohani ni garang kau kena "makesure" kau dating cepat kalo tidak memang dia akan marah..pastu ada sekali tu...dulu masa dipoloma anak saya yang sulong tu dia diploma dekat sini "DBS". Ok "so" dia sambung "degree" dia dapat dekat UiTM Sarawak ada je kawan dia dapat dekat sini yang sama "batch" dengan dia sambung "degree" dekat sini. Saya pernah mengajar "degree

student” “so” pastu saya pilih eee...makna kita boleh pilih kita nak ajar “degree” ke “diploma” boleh la dapat pilihan tu...”so” saya kata saya nak ajar “diploma” “so” ada sekali tu saya kena ganti kelas “degree student” sebab ada “lecturer” yang sepatutnya ambik “mass lecture” dia tak dapat datang “so” saya kena ganti kelas die...”so” kelas “eight a.m” la macam biasa “so at eight I was in the room la” dekat “DK 1” 8.10 8.20 “student” baru masuk..ada la “student” yang dah masuk la..ada lagi yang masuk “ondway” apa benda lagi sume tu kan...”so” saya mesti akan tanya sebab saya memang pantang “student” datang lambat kelas saya..saya kata “why are you late” masing-masing tercengang sebab “lecturer” dia yang lain kan ha..pastu rupanya dorang dah “whatsapp” anak saya..mak kau garang mak kau garang..habis sekali anak saya kata padan muka kau...”so” saya taka da kata la tu sebagai satu negative tapi tu la saya Cuma mengatakan tu Cuma biar “student” tau la yang saya memang tak suka “student” datang lambat..dekat “class” “especially” saya “eight o’clock” so sebab taka da kelas sebelum tu kan..tak ada “reason” dan saya selalu akan berleter...tapi saya berleter tak lama pun...saya boleh bangun, saya buat sarapan untuk anak-anak saya, saya “travel” 20 minit sampai sini sebelum kol 8..awak Cuma perlu bangun je...tak payah buat sarapan untu masuk kelas...kenapa awak tak boleh datang tepat...semua diam je...aaa..

Maksud nya kalo dari segi positive negative dia?

- Emmm..entah eh..saya adalah dorang kata “kak ani” ni suka tolong orang...ha macm tu la..ha..macam tu...sebab saya rasa macam saya mula-mula kerja kan saya kita”aspect somebody” yang bagi tahu kita apa benda yang patut kita buat “atleast make them feel comfortable” la kan..sebab kita tercengang –cengang nak belajar nak kerja apa benda sume...”so” saya rasa patut membalas baliklah orang-orang yang ialah orang baru yang baru nk ngajar kalo dorang mintak “lecture note” separuh “lecturer” “sorry to say” tak bagi..”kak ani” buat la sendiri apa benda sume macam...memang la kita boleh buat sendiri tapi kita nak tahu la panduan dia kan...tapi ada yang tak bagi...insyallah saya tak buat macam tu la...sebab “very difficult” dan sangat “very depressive” dan bila kita mintak tu

orang tak nak bagi...(nadia menyampuk)kita harap...haa...kita harap sebab tak kalo kate "lecture notes" kita tu orang pakai "100%" pun apa salah nya...kita sampaikan kita "share" je..yang dapat manfaat nye "student" so saya gak kecewa la bila benda-benda macam tu berlaku la...sebab saya rasa tak patut berlaku...sebab kita memang tak tahu ape benda nak buat tetiba "kak ani" buat la sendiri..macam mana aku nak buat aku tak tahu apa benda aku nak buat..

Pernah tak puan mengalami kegagalan?maksudnya ,macam puan rasa puan "failed" la buat "something" tu?

- ada la macam projek-projek yang saya patut buat tapi saya tak dapat nak habiskan..memang ada pengalaman tu la...tapi...banyak jugak kawan-kawan yang banyak membantu..aa...sebab saya rasa kita tolong orang insyallah orang akan bantu kita...ada jugak projek-projek saya tak mampu nak buat saya kawan-kawan "volunteer" nak tolong "alhamdulillah" la...a...macam tu la..

Aaa....ada tak...aaa...puan buat...aaaa...perbezaan puan jadi lecturer dengan yang sekarang ni?

- Tu la macam mula-mula perbezaan. Lecturer yang dulu tu kata just suruh student present kan so saya rasa bukan memberikan sesuatu yang positive kepada student saya ulang balik dalam "mass lecture" ulang balik pastu sekarang ni saya tukar cara mengajar saya tu "starting this semester" sebab "last semester" apa yang saya ajar tu "percentage of failure" sangat ramai.. haaa...salah satunya ramai pelajar-pelajar dari "pra-diploma" satu hal saya ajar kelas "diploma four classes" aaa dua kelas ni "straight"dari "spm" satu kelas ni "100%" budak "pra diploma" dan separuh lagi budak bekas "pra dipoma". "so 100% budak pra diploma ni almost 80% percent failed". Ha tapi saya rasa yang yang mengalami sebab budak-budak kelas lain budak "investment" budak "DIB" aaa dia punya "failure rated" subjek ni sangat besar sangat tinggi. "so this semester" saya akan buat "mass lecture" tapi masa "tutorial"saya akan bagi kuiz...sebab saya rasa nak paksa dorang baca dan menjawab. Saya rasa ramai yang "failed" ramai yang baca "last minute"..haaa...so saya nak ubah cara saya

mengajar “semester” ni la saya kata “you all” selalu tak bacakan “and at the end of semester” “pastu you nak pulun 10 chapter” dalam masa dua tiga hari mana boleh..mana nak ingat...so saya kata tak kisah macam mana pun saya paksa awak tp lepas habis “tutorial” “mass lecture” buat kuiz tu saya nak tengok “feedback” dia macam mana..haa tu la...

Ada tak puan Nampak perubahan puan buat macam tu pembelajaran dulu dan sekarang?

- Saya belum habis tanda kuiz tu la..tapi tu la saya..aaa...ade je yang boleh jawab “full mark” maknanya dorang baca yang tak baca ni memang perangainya memang macam tu la..saya kata kadang-kadang macam ok saya bagi “lecture” saya punya “lecture haru khamis kemudian saya punya kuiz katalah hari isnin..so saya kata ada je masa awak nak baca tapi tak baca la..saya nak tengok macam mana “you all” saya kata kuiz ni saya ambil markah bukan saya bagi saje-saje kuiz..saya akan bagi markah..”so it’s up to you” kalua “you” rasa “you” nak “score” sebab untuk subjek ni kalo dorang nak amik “degree in marketing” sebab ni subjek “in marketing” kan..kalo dorang nak ambik “degree in marketing” dorang kena dapat “at least” “B” so kalua dia dapat “c” dia kena amik subjek ni masa dia “degree”. Itu yang terjadi pada anak saya.awak nak tahu tak? Masa dia amik “MKT 243” masa part 2 saya tak ajar dia tapi masa tu saya ajar “that subject” taka da lah dia datang dekat saya nak buat revision ke tak nak..budak lelaki biasa la ego..”so” bila dia “degree” dia kena amik la balik subjek tu.

Pernah tak puan menyertai sebarang program yang besar di UiTM?

- Program yang besar tak ada la. Saya buat program “mostly” untuk saya punya subjek.. kalau macam “MKT 243” saya selalu nya akan buat explorace,jualan dan pertandingan booth terbaik..so kalua saya buat besar-besar pun “more on my subject”

Pernah tak puan menerima anugerah sepanjang puan berkhidmat?

- Adalah sekali jabatan bagi sendiri pensyarah paling berpotensi ha macam tu la

Apakah reaksi puan bila menerima anugerah?

- Tak ada la kata macam gembira tak adalah...sebab entah saya tak lah mengharapkan.kalau dapat adalah "something extra" sebab kita dapat seribu ringgit..saya rasa apa yang saya mengajar saya buat yang terbaik...saya libatkan dengan aktiviti..mana yang saya minat saya libatkan diri...kalua saya tak minat saya tidak libatkan diri..so saya buat yang terbaik..kalua orang pandang itu bagus "alhamdulillah" kalua dapat dapat lah..

Adakah puan terlibat dalam pengubalan silibus?

- Tak..sebab kita ada "resource person" jadi dia yang akan terlibat dalam pengubalan.

Apakah pandangan puan terhadap silibus sekarang?

- Silibus tu ok la..kita nak ajar budak-budak apa itu marketing..mungkin dari segi pengajaran mungkin "lecturer" kena ambik ambik berat terhadap pembelajaran "student" untuk "make it interesting" dalam pembelajaran.

Ada tak sebarang bentuk karya yang puan hasilkan?

- Saya buat cerita apa tu yang dipanggil "one full stop" cerita tu..tapi cerita tu boleh jadi panjang..boleh dijadikan berbaris-baris kita nak galakkan "student" untuk membaca. Sebab "student" sekarang memang malas untuk membaca. "so" kiata nak "attract" "student" untuk membaca..kita jadikan satu cerita tu jadi satu ayat..

ada tak buku yang puan minat yang ada kaitan dengan pengajaran puan?

- saya baca "marketing book" je la dan "text book" dalam "marketing" tu yang saya gunakan saya juga ada aa...apa tu...penulis buku aaa..."Dr.Philip Cotaler" dia memang "expert in marketing". "Philip cotaler" tu idola sayalah. Sebab saya suka cara dia menulis buku dan tiga empat tahun yang lepas dia ada datang dekat Malaysia masa tu kitaorang dapat "Email" kata dia datang kat Malaysia. Kalua nak pegi kena bayar rm 50. So mintak kebenaran so dapat pegi and ajak kawan-kawan yang lain. Sebelum tu masa saya nak pegi, ikutkan dah penuh saya kata saya nak



pegi juga kalua kena berdiri pun tak apa. Alhamdulillah kiteorang sampai awal so kiteorang dapat duduk la. So saya dapat la jumpa tapi tak dapat bergambar depan-depan.

Bagaimanakah puan meningkatkan kualiti pengajaran puan?

- Emm..."basically" saya dah buat yang terbaik tapi, kadang-kadang tu saya dah cuba yang terbaik. Kalua ikutkan dalam silibus saya cuba buat pelbagai cara macm main "games". Tapi saya cuba nk tambahkan minat dorang dalam belajar so saya buat macam tu. Sebelum ni masa mula-mula ajar ada "lecturer" yang susruh masuk kelas untuk "present chapter by chapter". So bila lama-lama saya pikir apa yang patut saya buat. So saya kata saya nak buat iklan kalo tema so dorang kena ikut tema apa yang di tetapkan.so kena buat macam iklan tv so saya ubah sikit terpulan untuk dorang nak berlakon kea pa. so saya akan bagi markah mengikut apa yang dorang buat. Itu juga salah satu daripada pembelajaran yang saya lakukan untuk menarik minat dorang untuk belajar. So dorang dapat la hadiah.

apakah matlamat puan untuk masa akan datang?

- emmm... saya kalua ramai yang dapat 'A' tu sudah memenuhi matlamat saya. Basically matlamat saya akan jadi pemurah masa "ongoing assessment" tapi bila "final exam" saya tak boleh nak bantu sebab tu "by your own answer"

ada tak puan buat statistic untuk pembelajaran?

- kalau dalam "marketing" tak ada la tapi dah 6 tahun "basically" subjek ni senang nak score tapi "depends" pada student jugak.

apakah perbezaan pelajar dahulu dan sekarang?

- selalunya saya dah tahu kalua ajar pelajar diploma "part 2" dorang macam tak tahu apa yang saya cakap kalua "part 5" dorang dah amik "serious" la apa yang saya cakap.

ada tak angan-angan puan untuk menceburi dalam bidang lain?

- tak adalah saya ni semangat je ada. Angan-angan tu ada la. Tapi bila nak buat tu dah malas. Balik selalu nak lepak nak tengok tv je. Ni saya tak tahu dapat tak untuk habiskan "PHD" saya.

apakah sumbangan puan kepada masyarakat?

- masyarakat sekeliling saya buat "charity work" dengan "student" di kemboja. Saya mintak bantuan ke sumbangan kepada orang ramai supaya dapat bantu dorang yang susah. Yang tak ada elektrik dan punca air.

apakah pandangan ibu bapa kepada bidang pendidikan?

- pendidikan adalah sangat penting. Selagi mana anak-anak kita nak belajar kita kena galakkan je la dia nak belajar. Dia yang nak kalua kita paksa dia lagi dia tak nak. Macam student tak minat mak bapak je yang beria.

ada tak institusi lain yang puan kagumi?

- buat masa ini tak adalah sebab saya kagumi UiTM je sebab UiTM je yang amik serendah-rendah sampai la PHD dan semua bidang ada. So saya tak adalah pandang sangat institusi yang lain.

adakah sekarang puan puas hati terhadap kedudukan puan sekarang?

- saya tak puas hati sebab saya tak jadi lecturer lebih awal. Sebab kalua saya jadi lecturer lebih awal sebab saya tinggal 8 tahun lagi sebelum bersara.

apakah nasihat puan kepada generasi akan datang?

- ok...negara kita bukan macam dulu lagi so kita kena pandai cari ruang dan pandai bersaing antara satu sama lain.

## 8. RALAT

- a) Gangguan daripada bunyi gegaran telefon.
- b) Gangguan daripada bunyi mesin rumput.
- c) Gnagguan bunyi penghawa dingin dan kipas syiling.
- d) Gangguan dengan bunyi orang luar yang berjalan di luar bilik.

## 9. SENARAI SOALAN

### General

1. Boleh Puan perkenalkan diri Puan?
2. Adakah Puan mempunyai nama panggilan di dalam kalangan ahli keluarga atau rakan-rakan?
3. Berapakah umur Puan?
4. Di manakah tempat asal Puan?
5. Bilakah tarikh Puan dilahirkan?
6. Di manakah tempat tinggal Puan sekarang (Segamat)?
7. Apakah hobi Puan?
8. Apakah makanan kegemaran Puan?
9. Apakah cita-cita sebenar Puan semasa kecil-kecil dahulu?
10. Apakah kenangan semasa kecil yang tidak dapat Puan lupakan?
11. Siapakah nama suami Puan?
12. Apakah pekerjaan suami Puan?
13. Siapakah nama ayah Puan?
14. Berapakah umur ayah Puan?
15. Siapakah Nama Ibu Puan?
16. Berapakah jumlah adik beradik Puan?
17. Apakah tahap pendidikan Puan sekarang?
18. Dalam bidang yang diambil oleh Puan?
19. Apakah nama sekolah rendah Puan?
20. Ingat lagikah tahun berapakah Puan bersekolah rendah?
21. Apakah nama sekolah menengah Puan?
22. Apakah bidang sukan yang Puan minati sewaktu sekolah dahulu?
23. Apakah pencapaian Puan dalam bidang sukan sekolah sewaktu dahulu?
24. Apakah yang Puan lakukan selepas tamat sekolah menengah sebelum mendapat keputusan menyambung pelajaran?
25. Dalam bidang apakah jurusan pengkhususan yang Puan ambil?

26. Dimanakah Puan menyambung pelajaran selepas tamat diploma?
27. Berapa lamakah masa yang diambil untuk Puan menamatkan pengajaran?
28. Pada tahun berapakah Puan menamatkan pengajian?
29. Apakah pencapaian/anugerah Puan semasa bergelar pelajar?
30. Apakah kenangan yang tidak dapat Puan lupakan sewaktu bergelar pelajar dahulu?
31. Pernahkah Puan terfikir untuk menjadi seorang pensyarah?
32. Pada tahun berapakah Puan bergelar Pensyarah?
33. Adakah keluarga dan suami Puan menyokong kerjaya Puan?
34. Apakah perbezaan kelayakan seseorang itu untuk menjadi pensyarah dahulu dan sekarang?
35. Adakah UiTM menerima lecturer yang ada master sahaja?
36. Apakah perasaan Puan ketika pertama kali bergelar pensyarah?
37. Mengapakah Puan memilih kerjaya sebagai pensyarah di UiTM Johor?
38. Adakah ahli keluarga Puan yang mengikut jejak langkah Puan yang bercita-cita mahu menjadi Pensyarah/ pendidik?
39. Adakah Puan mewajibkan sesiapa di antara anak Puan untuk menjadi pensyarah?
40. Bagaimanakah Puan membahagikan masa Tuan sewaktu lapang antara keluarga dan pensyarah?
41. Apakah prinsip hidup Puan?
42. Apakah kunci utama kejayaan Puan?

## **Common**

43. Apakah tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pensyarah?
44. Adakah halangan sepanjang Puan ingin menjadi pensyarah?
45. Apakah tugas semasa sebelum Puan sebelum bergelar pensyarah di UiTM Johor?
46. Apakah perbezaan pengalaman pekerjaan dahulu dan selepas menjadi Pensyarah?
47. Bagaimanakah Puan mendapat tawaran sebagai pensyarah di UiTM Johor?
48. Boleh Puan ceritakan sedikit sejarah UiTM Johor?
49. Boleh Puan ceritakan suasana pertama di UiTM Johor setelah mendapat kawasan baru (kampus tetap di Jalan Muar)?
50. Apakah perasaan Puan melalui setelah mendapat kampus tetap (kampus tetap di Jalan Muar)?
51. Apakah jawatan pertama Puan di UiTM Johor?
52. Apakah visi dan misi UiTM Johor?
53. Apakah jawatan Puan selain sebagai seorang pensyarah sekarang di UiTM Johor?
54. Boleh Puan ceritakan tugas Puan selain jawatan Pensyarah di UiTM Johor?
55. Pada tahun berapakah Puan menjawat jawatan itu?
56. Apakah pandangan Puan mengenai landskap di UiTM Johor?
57. Apakah pandangan Puan mengenai UiTM Johor ketika mengadakan majlis Konvokesyen?
58. Apakah pandangan Puan mengenai perbezaan pentadbiran UiTM Johor ketika dahulu dan sekarang?
59. Apakah pandangan Puan mengenai pengurusan UiTM Johor?
60. Apakah pengalaman Puan berkhidmat di bawah pentadbiran Rektor UiTM Johor?
61. Adakah Puan sempat berkhidmat bersama Rektor pertama UiTM Johor?

**10. LOG TEMUBUAL**

<b>BIL</b>	<b>SUBJEK</b>	<b>MASA</b>
1,	Rakaman bahagian satu (1) Bahagian General: menceritakan tentang latarbelakang beliau. Keluarga Pendidikan	40.00 minit
2.	Rakaman bahagian dua (2) Bahagian Common: menceritakan tentang pengenalan awal UiTM Johor tentang sejarah awal dan pembabitan awal dalam UiTM Johor.	20.00 minit
3.	Rakaman bahagian tiga (3) Bahagian Specific: khusus kepada tugas dan tanggungjawab tentang bidang kerja.	20.00 minit

## 11. RUMUSAN

Wawancara bersama Puan Rohani Jangga telah dijalankan pada 31 December 2015 bertempat di Pejabat Pensyarah, Blok B [Fakulti Pengurusan Perniagaan] oleh Nur Natasha Binti Mohd Najib dan Nurul Nadia Binti Yusman. Puan Rohani Jangga telah dilahirkan pada di Beliau merupakan anak ke- daripada orang adik-beradik. Anak kepada pasangan dan. Beliau dibesarkan di telah mendapat pendidikan menengah dan rendah di sana dan seterusnya menyambung pelajaran di dalam bidang. Dan kini beliau menjawat sebagai pensyarah di Fakulti Pengurusan Perniagaan sepenuh masa di UiTM [Universiti Teknologi MARA] di Segamat, Johor. Temubual ini dijalankan selama, dan skop wawancara ini adalah berkenaan pengalaman beliau sepanjang berkhidmat sebagai pensyarah di UiTM Segamat, Johor. Beliau juga menceritakan tentang perubahan UiTM Segamat, Johor. Beliau amat bersungguh dalam membantu memajukan kejayaan pelajar beliau dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pengajaran supaya sentiasa dapat menarik perhatian pelajar beliau. Beliau telah berkhidmat di UiTM Johor selama 25 tahun dan telah melalui berbagai pengalaman dan melihat perubahan persekitaran UiTM. Di samping itu beliau juga menceritakan peranan beliau dalam Fakulti Pengurusan Perniagaan dan sukatan pelajaran di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pembelajaran dan pengajian pelajar. Kerjasama yang diberikan oleh Puan Rohani Jangga terhadap kami amatlah baik, dan personaliti beliau yang mesra dan menarik membuatkan kami senang untuk mendekati beliau dan ia amat membantu kami dalam menjayakan kerja-kerja dokumentasi lisan ini. Dari segi teknikalnya, kualiti rakaman baik, terang dan jelas. Walaubagaimanapun, terdapat masalah teknikal yang kami hadapi di mana pita magnet kaset telah tersangkut beberapa kali pada perakam kaset. Ini telah menyebabkan beberapa bahagian rakaman ini telah rosak.



# LAMPIRAN



Surat Kami : 600-UiTMJ(HEA/KPP 5/1)  
Tarikh : 3/12/2015

Rohani bt Jangga  
Pensyarah Pengurusan Peniagaan  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor  
KM12, Jalan Muar  
85009, Segamat  
Johor, Malaysia.

Assalamualaikum wbt.wrt. & Salam Sejahtera,

Yg.Bhg. Tan Sri/Puan Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PROJEK PENYELIDIKAN PELAJAR: SEJARAH LISAN**

Tajuk : Temuramah kakitangan berpengalaman di UiTM Johor

Nama Pelajar : Nurul Nadiah bt Yusman & Nur Natasha bt Mohd Najib

Sukacita dimaklumkan pelajar-pelajar tersebut adalah dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor yang sedang menjalankan projek penyelidikan berbentuk wawancara (sejarah lisan) bagi memenuhi keperluan pengajian mereka.

2. Projek ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan kepada pelajar tersebut berkenaan tatacara dan kaedah menjalankan sejarah lisan serta mendapat dan mengumpulkan maklumat/fakta tertentu hasil daripada temubual yang dijalankan bersama individu-individu yang telah ditetapkan. Temubual sejarah lisan ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua (2) jam dan akan direkodkan dalam bentuk audio.

3. Untuk makluman, sejarah lisan merupakan salah satu kaedah pengumpulan maklumat/fakta yang akan digunakan sebagai rujukan oleh generasi akan datang. Maklumat/fakta yang dikumpulkan dianggap sebagai khazanah maklumat Negara dan bakal disimpan di Arkib Negara Malaysia atau Arkib Sejarah Lisan Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

4. Pemilihan Yg.Bhg. Tan Sri/Puan Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah hasil daripada pengalaman, sumbangan, penglibatan dan kejayaan Yg.Bhg. Tan Sri/Puan Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan yang telah dicapai sebelum ini.

Pihak kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian dan komitmen Yg.Bhg. Tan Sri/Puan Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam menjayakan projek penyelidikan – sejarah lisan ini. Semoga perkongsian pengalaman dan kejayaan ini akan mewujudkan satu bentuk sumber maklumat yang sah dan berharga kepada Negara dan generasi akan datang.

Wassalam. Terima Kasih.



**"ISLAM PENERAJU INOVASI & TRANSFORMASI"**

Yang benar

**MOHD ZUL-AZMI BIN ISHAK**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengurusan Maklumat



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN  
SALINAN TRANSKRIP SEJARAH LISAN**

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya .....  
dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip temubual Sejarah Lisan bertajuk.....

.....  
.....  
daripada penemubual iaitu .....  
dan ..... Transkrip ini telah diserahkan kepada saya pada ..... Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui :-

- a) ..... (h/p)
- b) ..... (h)
- c) ..... (o)

atau di alamat:

.....  
.....  
.....  
.....

.....  
Nama: